

Mustafa beri cara selesai sidang kecoh

WAKIL-wakil bahagian yang menghadiri mesyuarat agung UMNO peringkat cawangan sebagai pemerhati hendaklah membuat laporan lengkap mengenai sebarang perkara yang berlaku dalam mesyuarat itu.

Setiausaha Agung UMNO Malaysia, Datuk Haji Mustafa Jabar, menegaskan, laporan tersebut hendaklah dikemukakan kepada bahagian berkenaan untuk tindakan selanjutnya.

Beliau berkata, sebarang kekecohan atau tidak puas hati yang timbul dalam mesyuarat agung cawangan hendaklah diselesaikan di peringkat bahagian terlebih dulu.

Menurutnya, masalah itu bolehlah dibawa ke peringkat

perhubungan negeri sekiranya tidak boleh diselesaikan di peringkat bahagian.

"Sebarang perkara yang berbangkit di peringkat bahagian mestilah juga diselesaikan mengikut cara

sama," katanya.

Datuk Haji Mustafa diminta mengulas 'kekecohan' dalam mesyuarat agung UMNO cawangan Rantau Panjang beberapa hari lalu.

Ahli Parlimen Rantau Panjang, Haji Ibrahim Mohammad, kelmarin mendakwa keputusan pemilihan mesyuarat agung cawangan itu tidak sah dan bertentangan dengan perlembagaan parti.

Haji Ibrahim dikalahkan oleh seorang tokoh veteran UMNO, Haji Abdul Rahman Awang, dengan 287 undi bagi jawatan ketua cawangan. Beliau hanya mendapat lima undi.

Haji Ibrahim mendakwa 96 orang wakil yang mengundi bukan rakyat Kelantan dan bukan ahli UMNO. Enam lagi perwakilan yang mengundi, dakwanya, mendaftar diri dua kali dengan nama yang berlainan dan mereka mengundi dua kali menggunakan dua nama.

Mengundi

Beliau juga mendakwa 10 nama dalam daftar ahli-ahli UMNO cawangan itu yang dikatakan hadir dalam mesyuarat tersebut telah lama meninggal dunia tetapi dibenarkan melantik pengganti untuk mengundi.

Menurut Haji Ibrahim, dua orang wakil bahagian — Encik Halim Salleh dan Encik Ghazali Ismail — ada di mesyuarat itu sebagai pemerhati.

Haji Ibrahim hari ini menghantar laporannya mengenai mesyuarat itu kepada Datuk Haji Mustafa Jabar; Setiausaha Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Haji Mohammad Haji Ali; dan Setiausaha UMNO Bahagian Rantau Panjang, Encik Salleh Harun.

KOTA BHARU, Selasa